

MENANGANI

&
AYI

MENANGANI
ZINA &
PEMBUANGAN BAYI

PENYUNTING
NUR SYAHIDAH BINTI ABDUL JALIL

MODEL BARU EKONOMI
Tinjauan dari Perspektif Islam

B/H 20/1/12
MSS.

Himpunan kertas kerja
tangani zina, buang bayi

PENINGKATAN salah laku zina dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah beragama Islam masih tetap berlaku walaupun ramai peka serta prihatin dengan isu itu. Laporan media memberi gambaran menakutkan hingga mengundang kebimbangan.

Institut Kefahaman Islam Malaysia menganjurkan Muzakarah Pakar Menangani Zina Serta Pembuangan Bayi dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah pada 16 Disember 2010 bagi membahaskan fenomena terus merisaukan ini.

Hasil daripada pembentangan kertas kerja, sesi perbincangan pakar, penganjur menerbitkan buku Menangani Zina dan Pembuangan Bayi yang menghimpunkan kertas kerja melihat tajuk utama daripada pelbagai perspektif.

Keadaan ini bukan berlaku di Malaysia saja kerana berdasarkan pembentangan, negara lain turut berdepan masalah sosial ini. Justeru, pendekatan serta langkah diambil dijadikan sebahagian daripada cadangan kaedah mengatasinya.

Permasalahan zina turut dilihat dari sudut perundangan selain aspek kesihatan iaitu pandangan kesihatan reproduksi manusia. Perbincangan kedua aspek ini menjurus kepada persoalan dasar serta pen-

guatkuasaan.

Buku Menangani Zina dan Pembuangan Bayi menghimpunkan sebab dan akibat mengapa fenomena ini berlaku dan langkah menanganinya dengan harapan dapat memberi manfaat serta kesedaran kepada semua pihak untuk bersama membendunginya.

Sementara buku Model Baru Ekonomi Tinjauan dari Perspektif Islam, juga terbitan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), menjelaskan Model Baru Ekonomi yang diperkenalkan kerajaan dalam memacu ekonomi serta kesediaan negara menerima model baru itu.

Matlamat Model Ekonomi Baru antara lain untuk memastikan tiada rakyat negara ini hidup dalam kemiskinan, membolehkan kekayaan serta kemakmuran dikongsi bersama selain objektif utama mengurangkan kemiskinan dan menaikkan taraf hidup ummah.

Buku ini adalah himpunan kertas kerja dibentangkan pada seminar Model Baru Ekonomi: Tinjauan dari Perspektif Islam anjuran IKIM.

INFO

Menangani Zina dan Pembuangan Bayi

- **Penerbit:** Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
- **Pengulas:** Hasliza Hassan
- **Harga:** RM10